

## Chairman's Statement

### Penyata Pengerusi



Earthworks for the project are in progress. The entire project is expected to reach completion stage in January 2005.

The maiden condominium project for Tropicana involving the proposed development of 1,217 units of condominiums on the 8.2-acre land within the vicinity of Tropicana Golf & Country Resort, known as 'Casa Tropicana', is also scheduled for launch in the third quarter of 2002.

Other projects in the pipeline include the proposed mixed development on 200 acres of land next to the Sungai Buloh Country Resort, comprising double-storey terraced houses, medium and low-cost apartments as well as shophouses. The launch of Phase I of the development comprising 270 units of double-storey terraced houses is planned for the fourth quarter of 2002.

The proposed commercial development earmarked for the 10.96 acres of freehold land in Bukit Mertajam continued to be deferred to a more opportune time considering the prolonged weak market condition for commercial properties.



24-hour security, one of the many other value added services available at our resort.

*Keselamatan 24 jam adalah satu daripada pelbagai perkhidmatan tambah nilai yang terdapat di dalam pembangunan pusat peranginan kami.*



Villa Green linked bungalows, a project which achieved 100% sales within a short period.

*Banglo berkembar Villa Green, satu projek yang mencatatkan jualan 100% dalam masa yang singkat.*

*Kerja tanah bagi projek ini sedang berjalan lancar. Keseluruhan projek ini dijangka akan siap menjelang bulan Januari 2005.*

*Projek kondominium sulung di Tropicana yang melibatkan cadangan pembangunan 1,217 unit kondominium di atas sebidang tanah seluas 8.2 ekar di sekitar Tropicana Golf & Country Resort, yang dikenali sebagai 'Casa Tropicana' ini juga dijadualkan untuk dilancarkan pada suku ketiga 2002.*

*Projek-projek lain yang sudah dirancang termasuk cadangan pembangunan campuran di atas tanah seluas 200 ekar bersebelahan dengan Sungai Buloh Country Resort, yang meliputi rumah teres dua tingkat, pangsapuri kos sederhana dan rendah serta rumah kedai. Pelancaran Fasa I pembangunan yang meliputi 270 unit rumah teres dua tingkat ini dirancang akan dimulakan pada suku keempat 2002.*

*Cadangan pembangunan perdagangan yang terletak diperuntukkan di atas tanah seluas 10.96 ekar milik bebas yang terletak di Bukit Mertajam terus ditunda ke satu tempoh yang lebih baik memandangkan keadaan pasaran yang masih lagi lemah untuk hartanah perdagangan.*

*".....Damansara Intan e-Business Park introduced the high-tech Broadband Fixed Wireless System of internet communication....."*

*".....Taman e-Perniagaan Damansara Intan telah memperkenalkan sistem Tanpa Wayar Tetap Jalur Lebar berteknologi tinggi bagi memudahkan komunikasi internet....."*



Damansara Intan e-Business Park recently added the latest office innovation-Broadband Fixed Wireless System.

Taman e-Perniagaan Damansara Intan baru-baru ini telah menambah inovasi pejabat yang terkini dengan Sistem Tanpa Wayar Tetap Jalur Lebar.

Meanwhile, the on-going major development projects of the Bakat Rampai Group continued to perform well.

The Damansara Indah Resort Homes project located next to Tropicana Golf & Country Resort achieved a 100% sale for its 140 units of linked bungalows known as 'Villa Green', and a 68% sale for the 124 units of bungalow lots. The Group also plans to launch 38 units of luxury 3-storey semi-detached houses together with 9 bungalow lots during the first half of 2002. Other projects expected in the second half of the year include the development of 41 units of luxury bungalow houses and 250 units (Phase 1) of medium cost apartments.

With respect to commercial development, the sale of Block A of the Damansara Intan e-Business Park project, strategically located along the SPRINT highway, and comprising a 16-18-storey shop/office block, recorded an increase from 70% to 77% during the year. Block B consisting of an 8-storey car park building has commercial space on the ground floor that is retained for rental income while Block C comprising 12 units of 5-storey shop/office blocks were already sold out. All three blocks were completed and occupied in 2000. The protracted weakness in the office market had resulted in Phase 2 of the project involving the development of a 25-storey office block to be deferred.

In the wake of the K-economy, and as an after-sales service to the purchasers or tenants of Damansara Intan e-Business Park, the company introduced the high-tech Broadband Fixed Wireless system of internet communication in addition to its existing leased line and ISDN facilities. The framework of this IT blueprint is the result of the smart partnership with Mimos Bhd, and it enables high-speed internet access of up to 2 mbps to all of Damansara Intan's purchasers or tenants at a fixed and lower cost than the conventional access mode. It uses spread spectrum technology to provide high-level data security through a sophisticated encryption process.

Sementara itu, projek-projek pembangunan utama Kumpulan Bakat Rampai yang sedang berlangsung menikmati prestasi yang berterusan memuaskan.

Projek Damansara Indah Resort Homes yang terletak di sebelah Tropicana & Golf & Country Resort mencapai jualan 100% bagi 140 unit banglo berkembarnya yang dikenali sebagai 'Villa Green' dan 68% bagi 124 unit lot banglo. Kumpulan juga merancang untuk melancarkan 38 unit rumah berkembar 3 tingkat mewah berserta 9 lot banglo pada tempoh setengah tahun pertama 2002. Projek-projek lain yang dijangka akan dilaksanakan pada setengah tahun kedua termasuk pembangunan 41 unit rumah banglo mewah dan 250 unit (Fasa 1) pangsapuri kos sederhana.

Bagi pembangunan perdagangan, jualan Blok A projek Taman e-Perniagaan Damansara Intan, yang mempunyai kedudukan strategik di tepi lebuh raya SPRINT dan merangkumi blok kedai/pejabat 16-18 tingkat menikmati pertambahan daripada 70% kepada 77% pada tahun ini. Blok B yang meliputi bangunan tempat letak kereta 8 tingkat mempunyai ruang niaga di tingkat bawahnya dikekalkan untuk pendapatan sewa, sementara Blok C yang meliputi 12 unit blok kedai/pejabat 5 tingkat sudah habis dijual. Ketiga-tiga blok telah disiapkan dan diduduki pada tahun 2000. Kelemahan berterusan pasaran ruang pejabat telah menyebabkan Fasa 2 projek ini yang melibatkan pembangunan sebuah blok pejabat 25 tingkat terpaksa ditunda.

Dalam suasana yang mementingkan K-ekonomi dan sebagai satu perkhidmatan selepas jualan untuk para pembeli atau penyewa Taman e-Perniagaan Damansara Intan, syarikat ini telah memperkenalkan sistem Tanpa Wayar Tetap Jalur Lebar berteknologi tinggi bagi memudahkan komunikasi internet di samping talian pajakannya yang sedia ada dan kemudahan ISDN yang sedia ada. Rangka kerja pelan induk IT ini adalah hasil perkongsian pintar yang dijalin dengan Mimos Berhad dan ia membolehkan akses internet yang berkelajuan tinggi sehingga 2 mbps kepada semua pembeli atau penyewa Damansara Intan pada kos tetap dan lebih rendah berbanding mod akses biasa. Ia menggunakan teknologi spread spectrum untuk menyediakan keselamatan data tahap tinggi melalui proses enkripsi yang canggih.

## Chairman's Statement

### Penyata Pengerusi



Extensively landscaped surroundings found in all our developments.

*Persekitaran yang dilandskap dengan menyeluruh terdapat dalam semua pembangunan kami.*

Casa Damansara 1 will soon be ready for its purchasers.

*Casa Damansara 1 yang bakal siap untuk pembelinya.*

Japanese garden at the Golf Wing of Tropicana Clubhouse.

*Taman Jepun di Sayap Golf Rumah Kelab Tropicana.*

In respect of the residential component of the 'Dijaya Mall' project known as 'Casa Damansara', Phase 1A and 1B of the 320-unit condominium project were launched in November 1999 and fully sold. The earthworks, piling, substructure and superstructure works of this initial phase had been completed, while the architectural finishing is presently in progress. The subsequent launch in September 2000 of 'Casa Damansara 2', comprising 152 units of condominiums registered a sale of 74%. The earthworks, piling and substructure works of this second phase had been completed, with the superstructure works currently in progress.

Stage 2 of the construction of the commercial component of 'Dijaya Mall' comprising a 6-storey retail and entertainment block involving superstructure works will still be deferred to a more appropriate time, though the piling and substructure works under Stage 1 of the construction had been completed in early 1998. Meanwhile, the Group is reviewing the business model of this commercial component with the view of introducing a fresh and viable concept.

#### Manufacturing

Notwithstanding the weakness in the economic cycle, Tenaga Kimia Berhad, a 30%-owned associate company recorded an improved performance with a consolidated after tax profit of approximately RM4.6 million, as compared to RM3.6 million in the previous year.

#### Engineering & Trading

Despite the unfavourable economic climate, the Engineering & Trading Division returned to the black with a pre-tax profit of about RM0.9 million on the back of a 49% increase in turnover following the effective implementation of new and more stringent financial and budgetary controls. The re-engineering of the prevailing revenue model, complemented by the reconstruction of its organisational systems and methods had contributed to an improved margin and sharp increase in turnover.

Bagi komponen kediaman projek 'Dijaya Mall' yang dikenali sebagai 'Casa Damansara', Fasa 1A dan 1B projek kondominium 320 unit ini telah dilancarkan pada bulan November 1999 dan telah dijual sepenuhnya. Kerja tanah, menanam cerucuk, sub struktur dan struktur utama bagi fasa permulaan ini telah disiapkan, sementara kemasmenibinanya kini sedang berjalan lancar. 'Casa Damansara 2' merangkumi 152 unit kondominium, yang dilancarkan pada bulan September 2000, mencatatkan jualan 74%. Kerja tanah, menanam cerucuk dan kerja sub struktur bagi fasa kedua ini telah disiapkan, sementara kerja struktur utama kini sedang berjalan lancar.

Peringkat 2 pembinaan komponen perdagangan 'Dijaya Mall' meliputi blok ruang niaga dan hiburan 6 tingkat yang melibatkan kerja struktur utama akan ditunda ke satu masa yang lebih sesuai, walaupun kerja menanam cerucuk dan sub struktur di bawah Peringkat 1 dalam pembinaan ini telah disiapkan pada awal tahun 1998. Sementara itu, Kumpulan sedang meninjau model perniagaan bagi komponen perdagangan ini dengan hasrat untuk memperkenalkan satu konsep baru dan berdaya maju.

#### Perkilangan

Walaupun kitaran ekonomi lemah, namun Tenaga Kimia Berhad, sebuah syarikat bersekutu 30% miliknya mencatatkan prestasi lebih baik dengan keuntungan selepas cukai disatukan sebanyak kira-kira RM4.6 juta berbanding RM3.6 juta pada tahun sebelumnya.

#### Kejuruteraan & Perdagangan

Walaupun mengalami iklim ekonomi yang kurang menggalakkan, Bahagian Perkilangan & Perdagangan mampu kembali pulih dengan keuntungan sebelum cukai sebanyak kira-kira RM0.9 juta daripada pertambahan perolehan sebanyak 49% berikutan pelaksanaan berkesan kawalan kewangan dan belanjawan baru dan lebih ketat. Penjuruteraan semula model hasil semasa yang saling dilengkapi dengan penyusunan semula sistem dan kaedah organisasi telah menyumbang kepada margin yang bertambah baik dan pertambahan ketara perolehan.



Overwhelming response to the launch of "Green Acres".

Sambutan yang memberangsangkan terhadap pelancaran "Green Acres".

Soon-to-be launched tropical design bungalows at Damansara Indah Resort Homes.

Banglo berbentuk tropika yang bakal dilancarkan di Damansara Indah Resort Homes.

#### Internet-related venture

The Group's involvement in a licensed offshore internet gaming business through its 70%-owned Diva Gold International Ltd., contributed a higher pre-tax profit of approximately RM1.0 million for the year, as compared to RM0.8 million previously.

#### Usahaniaga berkaitan Internet

Penglibatan Kumpulan dalam sebuah perniagaan perjudian internet luar pesisir berlesen melalui Diva Gold International Ltd 70% miliknya, mencatatkan kenaikan dalam keuntungan sebelum cukai sebanyak kira-kira RM1.0 juta pada tahun ini berbanding RM0.8 juta sebelumnya.

#### DIVIDEND

The Board does not recommend any dividend to be declared for the year ended 31 December 2001 in view of the need to conserve resources considering the prevailing uncertainties in the global economy.

#### DIVIDEN

Lembaga Pengarah tidak mencadangkan sebarang dividen untuk diisytiharkan bagi tahun berakhir 31 Disember 2001 memandangkan timbul keperluan untuk menjimatkan sumber akibat keadaan tidak menentu dalam ekonomi global.

#### CORPORATE DEVELOPMENT

As disclosed in the preceding annual report, the Group's 30.5%-owned associated company, South Johor Equities Sdn Bhd, had on 26 February 2001 completed the sale of its entire equity interest in its wholly-owned stockbroking arm, South Johor Securities Sdn Bhd, to Arab-Malaysian Securities Sdn Bhd.

#### PERKEMBANGAN KORPORAT

Seperti yang disebut dalam laporan tahunan yang lepas, syarikat bersekutu 30.5% milik Kumpulan, South Johor Equities Sdn Bhd telah menyelesaikan penjualan keseluruhan kepentingan ekuiti dalam sebuah syarikat pembrokeran saham milik penuhnya, South Johor Securities Sdn Bhd kepada Arab Malaysian Securities Sdn Bhd pada 26 Februari 2001.

On 30 May 2001, the Company announced that the Securities Commission ("SC") had approved the Company's application to revise the issue price of the Proposed Special Bumiputra Issue to RM1.00 per share from the approved issue price of RM1.90 per share, together with a variation in the utilisation of proceeds therefrom. The Company had on 5 October 2001 announced a proposed revision in the utilisation of proceeds arising from the Proposed Special Bumiputra Issue, which was accordingly approved by its shareholders on 22 December 2001.

Pada 30 Mei 2001, Syarikat telah mengumumkan bahawa Suruhanjaya Sekuriti ("SC") telah meluluskan permohonan Syarikat untuk menyemak semula harga terbitan Cadangan Terbitan Khas Bumiputera kepada RM1.00 sesaham daripada harga terbitan yang diluluskan sebanyak RM1.90 sesaham, bersama dengan variasi dalam penggunaan kutipan daripadanya. Pada 5 Oktober 2001, Syarikat mengumumkan cadangan semakan semula dalam penggunaan kutipan yang timbul daripada Cadangan Terbitan Khas Bumiputera yang telah diluluskan sewajarnya oleh para pemegang saham pada 22 Disember 2001.

As announced on 24 December 2001, the deadline for the implementation of the Proposed Special Bumiputra Issue had been extended to 31 December 2002 as approved by the SC.

Seperti yang diumumkan pada 24 Disember 2001, tarikh tamat pelaksanaan Cadangan Terbitan Khas Bumiputera telah dilanjutkan kepada 31 Disember 2002 seperti yang diluluskan oleh SC.

## Chairman's Statement

### Penyata Pengerusi



*".....efforts would be made to steer the Group to a higher level of competitiveness."*

*".....usaha akan dijalankan untuk meneraju Kumpulan ke tahap daya saing yang lebih tinggi."*

#### PROSPECTS

Taking cognisance of the adverse vicissitudes of the external environment, growth in the Malaysian economy is envisaged to continue to be spearheaded by domestic activities with an expected #5.5% growth in the aggregate domestic demand supported by the expansionary fiscal policy and improvement in export earnings.

(# Source : Economic Report 2001/2002, Ministry Of Finance)

The improvement in the current account surplus, low inflationary pressure, accommodative monetary easing and the envisaged positive net external demand in the later part of the year are expected to further enhance the resilience of the economic fundamentals of the country's economy.

Amidst the more challenging economic environment, efforts would be made to steer the Group to a higher level of competitiveness. Business values based on sensitivity to consumers' needs, good corporate governance and culture, provision of excellent customer services and judicious budgeting would continue to be observed and practised. Strategic directions of the Group would be conservatively charted in identifying viable investment opportunities within and outside its core business.

Plagued by continuing global economic and political uncertainties, the Group nonetheless remains cautiously optimistic of its prospects for the coming year.

#### PROSPEK

Berdasarkan suasana tidak menggalakkan di persekitaran luaran, pertumbuhan ekonomi Malaysia dijangka akan dikembangkan oleh aktiviti domestik dan diramal akan mencatatkan pertumbuhan permintaan domestik agregat sebanyak # 5.5% disokong oleh dasar fiskal menggalakkan pertumbuhan dan peningkatan pendapatan eksport.

(#Sumber: Laporan Ekonomi 2001/2002, Kementerian Kewangan).

Peningkatan lebihan akaun semasa, tekanan kadar inflasi yang rendah, dasar kewangan yang meredakan dan jangkakan permintaan luaran bersih yang positif pada lewat tahun ini dijangka akan mempertingkatkan lagi kemantapan asas ekonomi negara.

Dalam suasana persekitaran ekonomi yang mencabar, usaha akan dijalankan untuk meneraju Kumpulan ke tahap daya saing yang lebih tinggi. Nilai perniagaan berasaskan kepada sensitiviti keperluan pengguna, tadbir urus korporat dan budaya yang baik, penyediaan perkhidmatan pelanggan yang cemerlang dan belanjawan yang berhati-hati akan terus diteliti dan diamalkan. Hala tuju strategik Kumpulan akan ditentukan secara konservatif dalam mengenalpasti peluang pelaburan yang berdaya maju di dalam dan di luar perniagaan terasnya.

Walaupun dilanda keadaan ekonomi dan politik global yang tidak menentu, namun Kumpulan kekal berhati-hati yakin tentang prospeknya pada tahun akan datang.

**APPRECIATION**

On behalf of the Board, I would like to place on record my utmost thanks and appreciation to Mr. Ron Tan Choon Kee who had resigned as Executive Director for his past services. On the same note, I wish to welcome on Board, our new Executive Director, Mr. Tong Kien Onn.

I also take this opportunity to congratulate my fellow Directors and the management on the better performance of the Group in 2001. May this encouraging improvement continue to be sustained in the coming year.

Last but not least, I would like to express my sincere thanks to all our valued shareholders, customers, financial institutions, government authorities and business associates for their continued support and co-operation.

Cuisine to suit all palates at Tropicana Clubhouse.

*Hidangan untuk semua citarasa di Rumah Kelab Tropicana.*



**PENGHARGAAN**

Saya bagi pihak Lembaga Pengarah dengan sukacitanya ingin merakamkan ucapan terima kasih dan penghargaan kepada Encik Ron Tan Choon Kee yang telah meletak jawatan sebagai Pengarah Eksekutif kerana menyumbang tenaga perkhidmatan beliau. Pada masa yang sama, saya ingin mengalu-alukan kedatangan Pengarah Eksekutif kami yang baru, Encik Tong Kien Onn.

Saya juga ingin mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan tahniah kepada rakan-rakan Pengarah saya dan pengurusan kerana kejayaan kami menghasilkan prestasi yang bertambah baik bagi Kumpulan pada tahun 2001. Diharap pencapaian yang menggalakkan ini akan terus dikekalkan pada tahun akan datang.

Akhir sekali, saya ingin menyampaikan ucapan terima kasih setulus ikhlas kepada semua pemegang saham, pelanggan, institusi kewangan, pihak-pihak berkuasa kerajaan dan rakan-rakan dalam perniagaan yang kami hargai kerana memberikan sokongan dan kerjasama berterusan.

**Tan Sri Ahmad Farouk bin Isahak**

Chairman / Pengerusi

The joy of resort living.

*Kegembiraan dalam suasana hidup peranginan.*

